



## KOLEJ UNIVERSITI INSANIAH

### PEKELILING PENDAFTAR

#### PEKELILING PENDAFTAR BILANGAN 1 TAHUN 2016

##### KEMUDAHAN CUTI TANPA REKOD

##### BAGI URUSAN KEMATIAN AHLI KELUARGA TERDEKAT

*[Diluluskan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Eksekutif Kali Ke-36  
Bil.07/2015 bertarikh 9 Ogos 2015]*

#### 1.0 TUJUAN

Pekeliling Pendaftar ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua kakitangan Kolej Universiti INSANIAH berkenaan kemudahan cuti tanpa rekod bagi urusan kematian ahli keluarga terdekat, syarat kelayakan, prosedur permohonan dan kuasa meluluskan cuti tersebut.

#### 2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Eksekutif Kali Ke- 36 Bil. 07/2015 bertarikh 9 Ogos 2015 memutuskan kemudahan cuti tanpa rekod bagi urusan kematian ahli keluarga terdekat dibenarkan kepada semua kakitangan Kolej Universiti INSANIAH.
- 2.2 Kemudahan Cuti Tanpa Rekod ini bagi urusan kematian ahli keluarga terdekat diperuntukkan kepada kakitangan selama tiga (3) hari untuk menziarahi jenazah dan membantu urusan berkaitan dengan kematian ahli keluarga terdekat.

#### 3.0 TAFSIRAN

- 3.1 Dalam Pekeliling ini -
  - 3.1.1 '**ahli keluarga terdekat**' bermaksud suami, isteri, ibu kandung atau ibu angkat<sup>1</sup>, bapa kandung atau bapa angkat<sup>2</sup>, ibu mentua, bapa mentua, anak kandung, anak angkat yang sah di sisi undang-undang, anak angkat *de facto* dan anak pelihara.
  - 3.1.2 '**anak angkat**' bermaksud seseorang anak yang telah dibenarkan oleh Mahkamah untuk diangkat atau diangkat semula<sup>3</sup>.

- 3.1.3 ‘**anak angkat de facto**’ bermaksud seseorang kanak-kanak itu berada dalam jagaan, sedang dibesarkan, ditanggung dan dididik oleh kakitangan sebagai anaknya di bawah sesuatu pengangkatan *de facto*, dan bagi suatu tempoh tidak kurang daripada dua (2) tahun yang berterusan dan sebelum sahaja dari tarikh permohonan tersebut di bawah seksyen 6, Akta Pendaftaran Pengangkatan 1952 (Akta 253).
- 3.1.4 ‘**anak pelihara**’ bermaksud seseorang kanak-kanak yang diberi pemeliharaan, jagaan dan kawalan kepada ibu bapa peliharaan di bawah perenggan 30(1)(e) Akta Kanak-kanak 2001 (Akta 611).
- 3.1.5 ‘**bapa angkat**’ bermaksud bapa angkat kepada kakitangan seperti diperuntukkan di bawah Akta 257.
- 3.1.6 ‘**bapa mentua**’ bermaksud bapa kepada isteri atau suami yang sah.
- 3.1.7 ‘**ibu angkat**’ bermaksud ibu angkat kepada kakitangan seperti yang diperuntukkan di bawah Akta 257.
- 3.1.8 ‘**ibu mentua**’ bermaksud ibu kepada isteri atau suami yang sah.
- 3.1.9 ‘**Pendaftar**’ bermaksud Pendaftar Kolej Universiti INSANIAH.
- 3.1.10 ‘**perkhidmatan**’ bermaksud perkhidmatan di Kolej Universiti INSANIAH dan jika berkenaan termasuk Perkhidmatan Awam Persekutuan, Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun (Persekutuan dan Negeri) dan Pihak Berkuasa Tempatan.

---

<sup>1</sup> ibu angkat yang sah di sisi undang-undang.

<sup>2</sup> bapa angkat yang sah di sisi undang-undang.

<sup>3</sup> sebagaimana yang ditafsirkan di bawah seksyen 2 Akta Pengangkatan 1952 [Akta 257].

#### **4.0 PELAKSANAAN**

Kemudahan Cuti Tanpa Rekod bagi urusan kematian ahli keluarga terdekat hendaklah dilaksanakan seperti yang berikut:

- 4.1 Kemudahan ini diberikan selama tiga (3) hari berturut-turut sebagai Cuti Tanpa Rekod kepada kakitangan untuk membuat apa-apa urusan pengebumian jenazah ahli keluarga terdekat itu dan untuk membantu waris-waris jenazah tersebut untuk urusan-urusan lain yang berkaitan;
- 4.2 Bagi maksud kemudahan yang diperuntukkan untuk urusan kematian ibu mentua atau bapa mentua, kemudahan ini adalah terhad bagi seorang ibu mentua dan seorang bapa mentua sahaja sepanjang tempoh perkhidmatan;
- 4.3 Cuti Tanpa Rekod ini hendaklah-
  - 4.3.1 bermula pada tarikh kematian ahli keluarga terdekat atau pada hari berikutnya jika ahli keluarga berkenaan meninggal dunia selepas waktu pejabat; dan
  - 4.3.2 meliputi hari rehat mingguan, hari kelepasan mingguan dan hari kelepasan am. Bagi maksud Pekeliling ini, masa selepas waktu pejabat juga terpakai bagi hari rehat mingguan, hari kelepasan mingguan dan hari kelepasan am.
- 4.4 Kemudahan ini adalah tertakluk kepada kepentingan perkhidmatan dan Pendaftar boleh memanggil balik kakitangan jika ketiadaan kakitangan di tempat kerja boleh menjelaskan operasi atau kepentingan Kolej Universiti INSANIAH atau memudarangkan keselamatan negara atau kepentingan awam;
- 4.5 Permohonan Cuti Tanpa Rekod ini hendaklah dikemukakan kepada Pendaftar dengan menggunakan Borang Kemudahan Cuti Tanpa Rekod Bagi Urusan Kematian Ahli Keluarga Terdekat seperti di **Lampiran A** berserta salinan dokumen pengesahan kematian ahli keluarga terdekat apabila pegawai kembali bertugas dan hendaklah dicatatkan dalam Buku Rekod Perkhidmatan bagi kakitangan tetap atau fail peribadi bagi kakitangan lain;
- 4.6 Borang di Lampiran A hendaklah dikemukakan kepada Pendaftar untuk direkodkan dalam tempoh tidak lewat dari 7 hari dari tarikh kematian ahli keluarga terdekat yang berkenaan.
- 4.7 Kemudahan ini terpakai kepada semua kakitangan Kolej Universiti INSANIAH.
- 4.8 Cuti Tanpa Rekod ini tidak boleh ditunda atau diganti atau dipampus dalam apa bentuk sekalipun.

#### **5.0 PEMBATALAN**

Dengan berkuatkuasanya Pekeliling ini, amalan sebelum ini adalah dibatalkan.

#### **6.0 TARIKH KUAT KUASA**

Pekeliling Perkhidmatan ini berkuat kuasa mulai **1 Januari 2016**.

Sekian, terima kasih.

**“PENEROKAAN KE ARAH KEBIJAKSANAAN”**



**(HAJI SYED ISA BIN SYED IBRAHIM, AMK., BCK.)**  
Pendaftar

3 Januari 2016

s.k. Y.Bhg. Dato' Rektor

Y.Bhg. Timbalan Rektor HEA & Penyelidikan

Y.Bhg. Timbalan Rektor Pengurusan, Kewangan & HEP

Bendahari

Semua Dekan/Pengarah/Ketua-ketua Jabatan/Bahagian/Unit

Fail